

NO. SOALAN : 75

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]
TARIKH : 8.8.2017 (SELASA)

DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan mengapa isu 'profiteering' oleh penjaja dan pengendali makanan yang menaikkan harga masih berleluasa sedangkan harga minyak dan GST sepatutnya mengurangkan 'cascading effect' cukai SST.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sedar bahawa barangan makanan turut dipengaruhi faktor-faktor dalaman dan luaran. Bekalan dan kos bahan mentah yang bergantung kepada cuaca serta pertukaran mata wang asing merupakan antara kesan utama yang menyumbang kepada kenaikan. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa mengambil perhatian dalam memastikan harga barangan makanan adalah berpatutan melalui penguatkuasaan yang berterusan ke atas peniaga dan pengendali makanan.

Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

- i. Menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** melalui penguatkuasaan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016** untuk mengawal pengambilan keuntungan yang tinggi secara tidak munasabah oleh peniaga;
- ii. Menguatkuasakan tindakan tegas melalui pengeluaran **Notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** ke atas peniaga yang didapati menaikkan harga bagi mendapatkan penjelasan dan justifikasi kenaikan harga yang tidak munasabah;
- iii. Menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletak

tanda harga ke atas barangan yang dijual atau mempamerkan senarai harga;

- iv. Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** bagi mengawal harga barang keperluan musim perayaan tertentu semasa musim-musim perayaan utama dalam negara;
- v. Meningkatkan **keberadaan (*omnipresence*)** pegawai-pegawai penguatkuasa di tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai bertujuan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan beretika; dan
- vi. mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** dalam usaha Kementerian untuk menyelesaikan aduan pengguna melalui tindakan yang cepat dan pantas;

Di samping kehadiran pegawai penguatkuasa, Kementerian turut memperkukuhkan pemantauan harga dan mengadakan jalinan kerjasama bersama pelbagai pihak, antaranya:

- i. menjalankan **pemantauan harga barangan keperluan asas** termasuk barangan makanan/minuman sedia masak di **seluruh negara di bawah Program Pemantauan Harga**;
- ii. mewujudkan ***Friends of KPDNKK*** yang merupakan mata dan telinga Kementerian. Kementerian akan berkerjasama dengan pengguna yang menyertai program ini bagi menyebarkan maklumat khususnya mengenai isu harga barang; dan

- iii. mengadakan jalinan kerjasama dengan **Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan** lain iaitu penglibatan **penghulu dan pegawai** dalam membantu memantau dan menyalurkan maklumat kenaikan harga barangan di premis perniagaan kepada Kementerian; dan
- iv. menyediakan pelbagai medium penyaluran aduan bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan.

Usaha-usaha ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan dalam memastikan harga barangan makanan di pasaran berada pada paras yang berpatutan demi kesejahteraan pengguna.